

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HKT 302 Kesusasteraan dan Disiplin Bantu

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab **EMPAT [4]** soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Dengan merujuk kepada artikel Michel Zeraffa "The Novel as an Institution," huraikan pendekatan sosiologikal terhadap karya-karya kesusasteraan. Anda boleh menggunakan karya Kesusasteraan Melayu atau bukan Melayu sebagai contoh.
2. Dengan merujuk kepada Koentjaraningrat (Pengantar Ilmu Antropologi), huraikan aspek-aspek universal di dalam budaya dan kemungkinan berlakunya perubahan budaya. Jelaskan juga proses pembelajaran budaya. Gunakan karya kesusasteraan untuk mendukung hujah-hujah saudara.
3. Menurut psikoanalisis Freud, id yang tekan selalu akan menyebabkan neurosis. Untuk menghindari neurosis, maka kehendak id yang ditekan itu direalisasi dengan cara-cara gantian, iaitu cara yang dapat diterima. Huraikan realisasi id yang dapat diterima itu; bezakan realisasi yang bukan kesusasteraan dengan realisasi melalui karya kesusasteraan.
4. Dalam "Creative Writers and Daydreaming" Freud menganalogikan penulis kreatif dengan orang yang berangan-angan dan karyanya dianalogikan dengan angan-angan. Hubungkan pernyataan ini dengan pernyataan Freud yang lain, iaitu bahawa seniman itu seorang yang hampir neurotik. Gunakan karya kesusasteraan sebagai contoh.

.../2

5. Carl G. Jung menolak teori libido Freud dengan menyatakan bahawa ada lapis asas dalam psiki manusia yang disebutnya archetype (tipainduk). Dengan menggunakan karya kesusasteraan, huraikan teori tipainduk dari Jung ini.
6. Huraikan fahaman falsafah eksistensialisme tentang kesusasteraan. Tumpukan perhatian anda pada pemikiran Nietzsche atau Sartre.
7. Huraikan hubungan kesusasteraan dengan falsafah abadi dengan menggunakan contoh karya salah seorang daripada penyair-penyair berikut:
 - [a] Tagore
 - [b] Iqbal
 - [c] Hamzah Fansuri

-oooOOOooo-